

Ibu kota dilanda banjir kilat lagi

Hujan lebat lebih sejam mengakibatkan air naik cecah 0.5 meter, kesesakan trafik lebih 3 jam

Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardi@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Beberapa kawasan termasuk laluan utama di sekitar ibu negara ditenggelami banjir kilat dengan paras air mencapai 0.5 meter berikutan hujan lebat lebih sejam, petang semalam.

Dalam kejadian jam 5.30 petang itu, kawasan paling teruk terjejas ialah Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Brunei di Pudu, selain Jalan Raja Chulan, Jalan Tun Razak serta Jalan Sultan Ismail yang turut mengakibatkan kesesakan lebih tiga jam di pusat bandar raya dan kawasan sekitarnya.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, pihaknya dimaklumkan terdapat sebuah tempat letak kereta di Bukit Bintang turut ditenggelami banjir kilat, namun keadaan dilaporkan terkawal dan tiada sebarang panggilan kecemasan diterima.

“Banjir kilat petang ini (semalam) tidak seteruk berbanding semalam (kelmarin), terutama di Jalan Tun Razak dan kawasan se-



HUJAN lebat mengakibatkan banjir kilat di sekitar kawasan Pudu, semalam.

kitarnya, termasuk Jalan Semarak yang memaksa Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur terpaksa menggerakkan aset sokongan, termasuk bot penyelamat bagi mengeluarkan mangsa terperangkap di kawasan terbabit.

“Bagaimanapun, setiap pegawai dan anggota bomba di sekitar bandaraya diletak dalam keadaan berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan berikutan cuaca tidak menentu sejak kebelakangan ini yang memungkinkan banjir ki-

lat atau tanah runtuh berlaku pada bila-bila masa,” katanya ketika dihubungi, malam tadi.

Beliau turut mengingatkan orang ramai, terutama penduduk di kawasan sering berlaku banjir, tanah runtuh dan mendapan tanah di ban-

daraya ini sentiasa peka terhadap perkembangan situasi bencana, malah bersedia dipindahkan bagi mengelak sebarang risiko.

Sementara itu, Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) memaklumkan banjir kilat berlaku seawal jam 5 petang semalam, hampir melumpuhkan sistem aliran trafik di sekitar bandaraya menyebabkan kesesakan di laluan utama seperti Jalan Sultan Ismail menghala Jalan Tuanku Abdul Rahman, Bulatan Segambut menghala ke Jalan Ipoh, selain Jalan Genting Klang dan Jalan Kuching menghala Selayang.

“Turut mengalami kesesakan teruk Jalan Kinabalu menghala Jalan Loke Yew dan Bulatan Cheras, Jalan Maharajalela menghala Jalan Sultan Ismail, Jalan Kuching dan Jalan Tun Razak menghala Bulatan Pahang,” katanya sambil memaklumkan sehingga jam 9 malam, kesesakan masih dilaporkan berlaku di laluan berkenaan.

Selain itu, beberapa kes mendapan tanah turut dilaporkan di Kampung Baru berikutan hujan lebat sejak petang kelmarin, namun tiada kemalangan jiwa atau kerosakan harta benda dilaporkan.

● KHAIRULL AZRY BIDIN | BERITA HARIAN